

29 JUN 1999
PAS-Kemiskinan
KEMISKINAN JUGA TANGGUNGJAWAB KERAJAAN PUSAT

KOTA BAHARU, 29 Jun (Bernama) -- PAS tidak harus dipersalahkan sepenuhnya jika ia gagal membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat Kelantan kerana usaha untuk membangunkan rakyat sesebuah negeri juga menjadi tanggungjawab kerajaan pusat, kata Ketua Penerangan PAS Kelantan, Abdul Fatah Harun.

Beliau berkata kerajaan pusat berkewajipan membantu kerajaan negeri dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan rakyat.

"Tanggungjawab untuk mengatasi kemiskinan rakyat tidak harus diletakkan di bahu kerajaan negeri semata-mata," katanya ketika diminta mengilasl kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang membidas kerajaan PAS kerana gagal menunaikan janji-janji semasa pilihan raya sehingga menyebabkan rakyat Kelantan terus dihipit kemiskinan.

Abdul Fatah berkata walaupun kerajaan pusat telah mewujudkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan bagi tujuan menyelaraskan semua projek pembangunan di negeri ini tetapi peranannya tidak jelas.

"Apakah sebenarnya fungsi JPP, sekiranya jabatan itu gagal menunaikan tanggungjawabnya melaksanakan projek-projek pembangunan yang diperuntukkan di bawah bidang kuasa kerajaan pusat untuk rakyat Kelantan," katanya.

JPP Kelantan diwujudkan setelah PAS mengambil alih pemerintahan negeri itu daripada Barisan Nasional selepas pilihan raya umum 1990.

Abdul Fatah berkata PAS sebelum ini tidak pernah mengakui bahawa parti itu boleh melaksanakan segala pembangunan dengan hasil yang diperolehi kerajaan negeri tanpa bantuan daripada kerajaan pusat.

Beliau berharap pelantikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali, bagi menyelia JPP dapat membawa pelbagai pembangunan di Kelantan untuk mengatasi masalah kemiskinan.

-- BERNAMA
BD MAI